

Blue Archipelago ke pasaran EC

Penternak udang kertas putih Terengganu dapat sijil Kesatuan Eropah

Oleh Azman Mahmood
bhbiz@bharian.com.my

BLUE Archipelago Bhd, syarikat penternakan dan pemprosesan udang putih terbesar negara, akan memperluaskan lagi pasaran eksportnya tahun ini dengan menyasar negara Kesatuan Eropah (EU) sebagai destinasi seterusnya.

Ia susulan pemerolehan sijil kelulusan mengeksport produk itu ke EU oleh Ladang Ternakan Udang Bersepadu Kuala Kerpan (iKERPAN) yang dikendalikan anak syarikatnya, Arca Biru Sdn Bhd serta peningkatan pengeluaran Ladang Akuakultur Udang Bersepadu (iSHARP) di Kampung Nyatoh, Setiu, Terengganu.

Mengulas perkembangan itu, Ketua Eksekutif Blue Archipelago, Abu Bakar Ibrahim berkata, sijil berkenaan berkenaan membuka peluang lebih luas kepada syarikat yang memiliki ladang ternakan udang di Kerpan, Kedah dan Setiu, Terengganu untuk mengeksport produk udang siap proses ke pasaran EU.

Sebelum ini, kumpulan itu sudah mengeksport produknya ke pas-

aran Jepun dan Amerika Syarikat, Kanada dan Asia Barat, bermula pada 2010.

Abu Bakar berkata, pihaknya juga tidak menolak kemungkinan udang putih yang ditanam di Ladang Akuakultur Udang Bersepadu (iSHARP) di Kampung Nyatoh, Setiu, Terengganu, akan mula dieksport ke EU dalam masa terdekat.

Katanya, kini pengeluaran udang iKERPAN, 80 peratus dieksport ke Jepun manakala 20 peratus lagi ke Amerika Syarikat dan 30 peratus untuk pasaran tempatan.

Tahun lalu hasil eksport udang putih siap proses ke negara mata-hari terbit itu bernilai RM17.2 juta dan ke Amerika Syarikat bernilai RM3.9 juta membabitkan 839.5 tan.

"Pemberian sijil oleh Kementerian Kesihatan ini satu pengiktirafan yang membolehkan Blue Archipelago mengeksport udang segar yang siap proses dan membuktikan ia memenuhi standard piawaian pemakanan EU yang terkenal amat ketat untuk dipasarkan ke sana.

"Dalam tempoh terdekat kami jangka boleh mengeksport udang putih dari ladang iSHARP di Setiu ke EU selain yang dihasilkan

di ladang iKERPAN yang sudah mengeluarkan hasil sejak 2010.

"Untuk tempoh jangka panjang, kita mahu menjadikan EU sebagai negara sumber pasaran eksport terbesar udang putih yang dihasilkan syarikat ini," katanya ketika ditemui di iSHARP Setiu, di sini, kelmarin.

Minggu lalu, *Berita Harian* melaporkan Menteri Besar Terengganu, Datuk Seri Ahmad Said ketika membuat lawatan kerja ke iSHARP Setiu, berkata Terengganu bakal menjadi pengeluar udang putih terbesar negara apabila projek itu beroperasi sepenuhnya dalam tempoh dua hingga tiga tahun lagi.

Katanya, dalam tempoh percubaan ini, ladang seluas 1,000 hektar itu telah mengeluarkan hasil sehingga enam tan, iaitu lebih satu tan daripada sasaran awal dan menerusi fasa pertama sekurang, 216 kolam ternakan sudah beroperasi mulai tahun ini dengan kapasiti pengeluaran 2,100 tan metrik udang setahun dan menjelang tahun 2013, sebanyak 400 kolam akan dibina dengan kapasiti pengeluaran sehingga 3,920 tan metrik setahun dengan nilai pasaran dianggarkan RM78 juta setahun.



Terengganu bakal menjadi pengeluar udang putih terbesar negara apabila projek itu beroperasi sepenuhnya dalam tempoh dua hingga tiga tahun lagi

Ahmad Said
Menteri Besar Terengganu